

Teknologi satelit Malaysia termaju di Asia Tenggara

Prasarana, struktur kita lengkap untuk saingi kehebatan negara maju

B.4 11/02/08 M/S 27

? BERTENTANG
MATA

Apakah perkembangan terkini berkenaan pembangunan teknologi satelit angkasa di Malaysia.

Teknologi satelit angkasa di Malaysia paling ke hadapan antara negara di Asia Tenggara dengan menunjukkan peningkatan baik dan semakin berkembang. ATSB adalah pelopor utama dalam perniagaan satelit serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan satelit di negara kita.

Sejauh mana pembangunan teknologi satelit angkasa di Malaysia.

Malaysia mempunyai prasarana dan struktur lengkap untuk melangkah jauh dalam bidang ini seperti negara maju yang lain kerana ia sedang pesat membangun di negara kita. Bagaimanapun, peruntukan sebanyak antara RM10 hingga 20 juta setahun diperlukan bagi keseluruhan projek penyelidikan serta pembangunan satelit angkasa.

ASTRONAUTIC Technology (M) Sdn Bhd (ATSB), syarikat milik Kementerian Kewangan ialah pelopor pengeluaran satelit mikro Malaysia iaitu TiungSAT-1 dan RazakSAT serta menjadi penyedia logistik angkasawan selain membangunkan sistem amaran tsunami. Bercadang melancarkan satu lagi RazakSAT akhir tahun ini, ATSB merancang berbuat demikian serentak dengan dua lagi satelit tempatan iaitu InnoSAT dan CubeSAT dalam tempoh setahun akan datang. Ikuti temubual wartawan Berita Harian, Nurul Farina Nazlan dengan Ketua Pegawai Eksekutif ATSB, Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad




Adakah ATSB membangun program pembangunan modal insan bagi membantu masyarakat mengenali dengan lebih dekat teknologi ini.

ATSB ada menjalankan program berteraskan modal insan iaitu turun ke kampung untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat di pedalaman berkenaan teknologi ini. ATSB turut terlibat dengan projek dan pameran yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam usaha memberi pendekatan kepada masyarakat terutama generasi muda berkenaan teknologi ini.

Selain TiungSAT-1 dan RazakSAT, adakah ATSB menghasilkan satelit terkini seumpama itu.

Serentak dengan pelancaran RazakSAT, yang dijangka pada akhir tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun depan, ATSB dan kementerian akan melancarkan dua satelit terbaru di bawah selenggaraan ATSB iaitu InnoSAT dan CubeSAT.

Dari manakah mendapat idea menggunakan nama



KEMAJUAN NEGARA: Ahmad Sabirin menunjukkan model RazakSAT.

TiungSAT-1 dan RazakSAT. Apakah sinonim penggunaan nama ini.

Idea menggunakan nama Razak pada satelit keluaran kita adalah datang daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sempena nama Bapa Pembangunan, Tun Abdul Razak bagi mengenang jasa beliau. Manakala Tiung di ambil dari nama sejenis burung yang ada di Malaysia dan kami amat berbangga menggunakan jenama Malaysia pada setiap satelit buatan kami.

Adakah ATSB memasarkan perniagaan ini dan menjalankan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Memandangkan teknologi angkasa adalah perniagaan

“Serentak dengan pelancaran RazakSAT, yang dijangka akhir tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun depan, ATSB dan kementerian akan melancarkan dua satelit terbaru di bawah selenggaraan ATSB iaitu InnoSAT dan CubeSAT”

**Ahmad Sabirin
Arshad**

Ketua Pegawai Eksekutif ATSB

global, ATSB turut melihat pasaran luar termasuk negara Asean dan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mempunyai ikatan kuat dengan Malaysia.

ATSB membina kepakaran dan kemudian menawarkan khidmat satelit kepada negara berkenaan serta membuka peluang melaksanakan projek angkasa lepas secara usaha sama dan membangunkan produk dengan negara Asean seperti Vietnam.

Apakah harapan ASB dalam pembangunan teknologi satelit angkasa di Malaysia.

Harapan kami agar Malaysia menjadi negara utama serta menguasai teknologi satelit dan kenderaan pelan-

car di dunia. Kami juga berharap agar pembangunan kompetitif dalam bidang ini dapat dihasilkan dengan kerjasama dari kerajaan dan pihak industri.

Nasihat kepada generasi muda yang minat dan ingin menerokai bidang ini.

Mereka perlu berkeyakinan tinggi dan berani mencuba sesuatu yang baru apatah lagi bidang ini semakin mendapat tempat di pasaran dunia. Sebagai bakal pemimpin masa depan, mereka juga perlu berani mengambil risiko dan mengembangkan pengetahuan kerana negara memerlukan ramai tenaga mahir untuk memajukan lagi teknologi ini.